


GEMPAK.

WEEKLY EDITION

ABBE HAE

MISKIN BUKAN HINA, BANTU ORANG UNTUK LUASKAN LIANG LAHAD



WIRA WONDA

astro SHAW

KELUANG MAN
OF THE YEAR

ABBE HAE

Karisma dan kerendahan hati aktivis masyarakat yang sarat dengan niat murni ini terasa ‘besar’ pada pertemuan perdana Gempak Weekly Edition (GWE) di malam gemilang Gempak Most Wanted Awards 2024 (GMWA24) Februari lalu.

Abbe Hae atau nama sebenarnya Mohamad Azhan Mohamad Adnan, 56, menerima Anugerah Khas Wira WONDA Keluang Man Of The Year Gempak Most Wanted Awards 2024 (GMWA24) lewat empati dan keprihatinan membantu masyarakat terutama golongan gelandangan dan anak-anak yang lahir dengan penuh kesempitan hidup.

Misi beliau dengan moto Penjejak Fakir Jalanan hanya satu — mahu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan seterusnya melahirkan generasi masa depan yang lebih baik; yang kata Abbe Hae jauh dari dunia daif.

Inisiatif Isteri

“Miskin tidak hina cuma mereka seperti yang terlibat dengan najis dadah tergelincir daripada landasan yang betul jadi kita sama-sama membantu mereka,” katanya mengenai misi aktivis yang dijalankan sehingga menarik perhatian ramai.

Ironi jauh sebelum gerakan aktivisnya menjadi ikutan dan mendapat sokongan pelbagai pihak, misi membantu golongan gelandangan ini sebenarnya dicetuskan oleh isteri tercinta, Shahdattul Olivia Ferranee Imelda atau Sofie, 44.

Wanita inilah yang melahirkan idea dan membuat inisiatif memasak untuk gelandangan secara mingguan sebelum kini menjadi aktiviti wajib mereka.





"Sebenarnya saya terjebak secara tidak langsung. Inisiatif ini datang daripada isteri saya yang memasak sendiri untuk golongan gelandangan.

"Sekitar tiga empat tahun lalu kami memberi makan secara konsisten kepada golongan gelandangan pada setiap Jumaat dan cuba menyelami masalah mereka seperti yang terlibat dengan najis dadah dan menyelamatkan kehidupan anak-anak mereka.

"Kami cuba letak diri kami dalam diri mereka dengan penuh ihsan dan kasih sayang kerana pekerjaan yang dilakukan tanpa kasih sayang, jiwa dan roh mungkin hanya menjadi separuh jalan," jelas Abbe Hae panjang lebar.

Ditanya mengenai istilah sedekah atau kebaikan adalah lebih molek disembunyikan, Abbe Hae menyifatkan ada bantuan yang perlu dikongsi bersama umum sementara banyak yang tidak dipertontonkan.

"Ada banyak bantuan kita sembunyi, tidak semua kita pertonton kepada masyarakat, tapi ada yang ditontonkan supaya masyarakat melihat adalah pertolongan kepada mereka yang terlibat dengan najis dadah misalnya agar ia menjadi teladan bersama," ujar Abbe Hae lagi.

Aktiviti Ramadan 2025

Meski giat membantu golongan sedemikian, lelaki yang memiliki 11 zuriat ini mengaku tidak pernah hidup mlarat atau terjebak dengan najis dadah.

"Selain sebab ihsan saya mahu meluaskan liang lahat saya," katanya ringkas.

Dan kini aktiviti memberi makan gelandangan, membantu golongan yang terjebak najis dadah dan membantu anak-anak mereka keluar daripada rantaian kedaifan terus dilaksanakan pada bulan Ramadan nan mulia ini.

"Program Ramadan kami pada tahun ini agak padat. Kami akan penuhkan peni asnaf di sekitar Kuala Lumpur dengan 1,000 bantuan pada waktu siang.

"Pada waktu malam pula kami akan berbuka puasa dan solat terawih bersama dan terus dengan aktiviti memutuskan rantaian kemiskinan dalam kalangan kanak-kanak dan menyebarkan ilmu serta membantu golongan kurang bernasib baik ini," katanya ringkas Abbe Hae mengenai aktivitinya pada bulan mulia ini.

Buat pihak yang ingin turut serta menghulurkan sumbangan, boleh hubungi Abbe Hae menerusi platform media sosial @abbehae termasuk di Instagram dan Facebook. - MALIAH SURIP

Polis Temui 6 Jenis Ubat, Ini 9 Fakta Allahyarham Akiko Okumura

Pemergian Akiko Okumura pada 28 Februari 2025 terus menjadi perhatian, meskipun bukan figura terkenal atau pempengaruh media sosial.

Akiko dikenali melalui perkongsian suaminya, usahawan Ridz Okumura, yang sering memaparkan kehidupan mereka sekeluarga.

Kisahnya menginspirasi ramai wanita, terutama dalam bidang kulinari. Namun, berita kematiannya menimbulkan pelbagai persoalan.

Berikut adalah fakta mengenai Allahyarham Akiko Okumura:

1. Akiko berasal dari Tokyo, Jepun.
2. Memeluk Islam pada 2008 di JAKIM. Pelakon Zarina Zainuddin ialah anak saudara Ridz.
3. Berkahwin dengan Ridz pada 2009 dan dikurniakan seorang anak lelaki, Sky Taizo Okumura, 13.
4. Menubuhkan The House of Ridz Okumura Sdn Bhd pada 2010 dalam bidang kecantikan rambut.
5. Menjadi inspirasi ramai apabila Ridz berkongsi video beliau menyediakan hidangan sahur buat anaknya, Sky.
6. Meninggal dunia pada 28 Februari 2025, dikebumikan sehari kemudian di Subang Jaya.
7. Polis mengesahkan beliau terjatuh dari tingkat empat kondominium di SS16, Subang Jaya. Kes diklasifikasikan sebagai SDR kerana tiada unsur jenayah.
8. Ridz menafikan isterinya terjun dan mengandaikan beliau terjatuh sewaktu mengemas.
9. Polis merampas enam jenis ubat-ubatan, termasuk dari Jepun, untuk siasatan.

Ramadan Baru Seminggu, 'Perang' Lagu Raya Dah Mula

Memasuki satu minggu puasa bukan hanya bazar Ramadan yang meriah tetapi halwa telinga peminat juga mula 'dihujani' kemunculan lagu-lagu bertemakan Aidilfitri.

Malah sempena Aidilfitri tahun ini dapat dilihat banyak lagu raya baharu pelbagai genre dihasilkan untuk memeriahkan suasana hari raya. Berikut antara lagu raya yang sedang 'berperang' dilancarkan.

1.

Meriah Lain Macam - Hael Husaini, Nadeera

Power tak power duo lagu raya Meriah Lain Macam ini, ia telah menerima 5.3 juta tontonan sewaktu teaser disiarkan oleh Hael Husaini dan Nadeera beberapa hari lalu. Meriah Lain Macam dipersembahkan dengan melodi dan lirik sangat catchy ; mengisahkan tentang pasangan suami isteri membuat persiapan menyambut Aidilfitri. Ini merupakan kolaborasi pertama kedua-dua penyanyi hebat ini untuk genre lagu raya. Meriah Lain Macam mula dilancarkan pada Jumaat lalu dan terus menjadi trending.



1.

Tak Balik Raya - Umairah

Buat pertama kalinya, penyanyi remaja yang juga merupakan anak saudara Datuk Seri Siti Nurhaliza, Umairah lahir dengan lagu raya. Diberi judul Tak Balik Raya, lagu tersebut merupakan lirik ciptaan Mas Dewangga dan Jova Devito. Ia menampilkan lirik mengenai dilema seseorang yang terpaksa menyambut hari raya berjauhan dengan keluarga kerana terpaksa bekerja. Lagu ini bukan sahaja menyampaikan emosi rindu dan sayu tetapi menyuntik elemen kegembiraan dengan melodi yang segar. Tak Balik Raya juga mempunyai video klip yang diproduksi oleh Rio Films dan diarahkan oleh Rifaiee Rio.



1.

Inikan Hari Raya - Andi Bernadee

Tidak ketinggalan muncul dengan lagu raya adalah penyanyi Andi Bernadee. Lagu yang menggabungkan elemen moden dan tradisional tersebut diberi nama Inikan Hari Raya. Ia dicipta oleh Hanis Rafi, Firdaus Rahmat dan Omar K, turut mendapat sentuhan lirik nukilan Andi Bernadee sendiri bersama Hanis Rafi, Firdaus Rahmat serta Omar K. "Saya ingin semua pendengar untuk mendengar, layan, nikmati, dan hayati lagu ini. Selain daripada suasana ceria Hari Raya, lagu ini juga mengandungi unsur nasihat," ujar Andi.




1.

Raya GenZ - Alyssa Dezek, Ara Aziz, Cik B, dan Qadejah

Sesuai dengan judulnya, Raya GenZ, lagu raya ini disampaikan oleh gabungan menampilkan gabungan suara empat remaja iaitu Alyssa Dezek, Ara Aziz, Cik B, dan Qadejah. Lagu ini membawa nafas segar dengan lirik ceria dalam genre pop dan telah mula trending di media sosial, terutama di TikTok, sebelum pelancaran rasminya. Malah selepas dilancarkan Raya GenZ menerima lebih satu juta tontonan di saluran YouTube Mask Team. Selain mendengar bakat empat anak-anak gen Z ini menyanyi dan Cik B menunjukkan kemampuan menyanyi rap, gelagat mereka boleh ditonton menerusi muzik video "Raya GenZ" dirakam di Istanbul, Turki. - MALIAH SURIP



GEMPAK SINEMA



Pengarah: Robert Eggers

Pelakon: Bill Skarsgård, Lily-Rose Depp, Nicholas Hoult, Ralph Ineson
Genre: Seram

Berlatar di Eropah abad ke-19, filem ini mengisahkan Thomas Hutter, seorang agen harta tanah yang dihantar ke Transylvania untuk bertemu dengan Count Orlok, seorang bangsawan misteri yang ingin membeli rumah di kota kecil Wismar.

Namun, sepanjang kunjungannya, Hutter mula menyedari bahawa Orlok sebenarnya adalah seorang puntianak yang dahagakan darah.

Sementara itu, isteri Hutter, Ellen, menjadi objek obsesi Orlok, yang berhasrat membawanya ke dalam kegelapan abadi.

Pengarah: Ryan Coogler

Pelakon: Michael B. Jordan, Hailee Steinfeld, Jack O'Connell, Lola Kirke
Genre: Seram

Mengisahkan Smoke dan saudara kembarinya yang terjebak dalam situasi mengerikan saat kembali ke kampung halaman mereka di Louisiana pada tahun 1930-an.

Bagaimanapun, kedua-duanya tidak sedar kesalahan mereka untuk pulang ke kampung halaman kerana ada sesuatu yang mengerikan sedang menunggu.

Pengarah: A.M.R.

Pelakon: Ali Fikry, Taskya Namya, Rizky Hanggono, Ruth Marini, Yayu A.W. Unru
Genre: Seram

Sebuah keluarga terikat dengan sebuah mazhab misteri. Agni, seorang anak yang dilahirkan melalui ritual mazhab itu di tengah hutan, membawa ketakutan kepada orang di sekelilingnya. Kecenderungannya mencetuskan huru-hara membuatkan kejiranian hidup dalam ketakutan.

Hasil siasatan mendedahkan bahawa Agni bukanlah kanak-kanak biasa—dia adalah keturunan syaitan.

Gempak Most Wanted Kembali Dengan Kategori Baharu!

Gempak Most Wanted terus berevolusi! Musim baharu bakal menyaksikan pengenalan kategori baharu serta penambahbaikan dalam beberapa kategori sedia ada. Dengan dunia digital dan hiburan yang semakin berkembang, inilah masa untuk mengiktiraf lebih ramai bakat dan karya yang trending di Malaysia!

Hos Program Digital Trending: Spotlight untuk Pengacara Digital!


Kategori Hos Program Digital Trending diperkenalkan khas untuk meraikkan pengacara yang mencipta fenomena dalam dunia digital—sama ada menerusi podcast, sesi temubual, atau rancangan atas talian. Kelayakan? Mereka harus memiliki sekurang-kurangnya 50,000 pengikut di semua platform digital! Persaingan dijangka sengit kerana semakin ramai pengacara berbakat muncul dengan kandungan segar dan berkualiti tinggi.

Lagu Trending: Kembali ke Format Asal!


Buat peminat muzik, Lagu Trending kini kembali ke format asal seperti musim pertama. Sebelum ini, edisi kedua dan ketiga memperkenalkan kategori Audio, tetapi musim baharu ini kita akan menyaksikan kemunculan semula format asal yang lebih fokus kepada lagu-lagu yang benar-benar trending. Ini bermakna, hanya lagu paling hangat akan mendominasi carta Gempak Most Wanted!

Apa lagi kejutan yang bakal menanti dalam musim baharu ini?

GMW kembali untuk musim keempat! Pastikan korang stay tuned setiap Rabu jam 11:05 malam di saluran Astro Ria, Astro GO dan sooka. Jangan lupa undi calon kegemaran korang di gempak.com/gempakmostwanted!



Seribu Tahun Tentang Cinta, Dosa & Keinsafan!



Seribu Tahun, drama terbaru karya Shahrulzad Mohameddin menemui penonton mulai 5 Mac 2025, setiap Rabu & Khamis, jam 9 malam di Astro Ria serta boleh distrim menerusi Astro One dan sooka.

Dibintangi Emma Maembong, Azhan Rani, Noorkhiriah, Laila Nasir dan ramai lagi, drama ini mengangkat kisah penuh konflik emosi dan kasih sayang dalam sebuah keluarga yang berdepan pelbagai ujian hidup.

Seribu Tahun mengisahkan Puteri Imaan Suhana (Emma Maembong), seorang wanita muda yang jauh daripada bimbingan agama. Hidupnya berubah apabila dia hamil luar nikah hasil hubungan dengan teman lelakinya, Azrul (Ali Reza).


Dikhianati, dia melarikan diri ke desa terpencil dan berkahwin dengan Shukri (Azhan Rani), lelaki sederhana yang menerima dengan ikhlas. Namun, bertahun kemudian, Imaan meninggalkan anak mereka dan apabila Shukri diserang Alzheimer, dia kembali untuk menuntut hak penjagaan, mencetuskan pergolatan emosi antara ibu dan bapa.

Pahit Maung Resipi Hidup Chef Wan

Chef selebriti terkenal, Datuk Chef Wan, muncul dengan rancangan memasak terbarunya, Resipi Hidup Chef Wan. Program ini istimewa kerana ia adalah kemunculan pertama beliau di TV selepas semakin pulih daripada kanser limfoma.

Dalam setiap episod, Chef Wan bukan sahaja memasak hidangan istimewa dari perjalanan hidupnya, tetapi juga berkongsi kisah suka duka sebagai seorang anak, suami, ayah dan datuk. Beliau turut menceritakan cabaran menjaga ibunya yang sakit serta perjuangannya melawan kanser.

Jangan ketinggalan menyaksikan Resipi Hidup Chef Wan, bermula 4 Mac, setiap Selasa, jam 11 malam di Astro Ria (saluran 104).





ZALORAYA 2025: Perayaan Gaya, Tradisi & Inklusiviti Aidilfitri

Sempena musim perayaan Aidilfitri tahun ini, ZALORA dengan bangganya mempersembahkan #ZALORAYA2025, satu kempen yang menggabungkan fesyen, tradisi, dan inklusiviti dalam meraikan Syawal.

Kempen tahun ini menampilkan koleksi yang direka khas untuk setiap ahli keluarga, daripada ibu bapa, datuk dan nenek, adik-beradik, anak-anak, dan tidak ketinggalan haiwan peliharaan kesayangan.

Sebagai destinasi utama fesyen modest wear, ZALORA akan membawakan 13 jenama dan pereka terkenal dalam koleksi Spring/Summer 2025 (SS25) antaranya Zalia, Lubna, NH by Nurita Harith, dan Alia Bastamam.


Zalora turut menampilkan dua jenama daripada Indonesia iaitu Ria Atelier dan Embara.

Fuji, Davina Karamoy Duta Baharu HijabistaHub

Perang baju raya sudah bermula! Peneraju utama industri fesyen Muslimah, HijabistaHub tampil memperkenalkan dua selebriti popular dari Indonesia, Fuji dan Davina, sebagai duta rasmi.

Selain itu, usahawan sensasi Datuk Seri Aliff Syukri dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu.

Sebagai pelengkap kepada kempen tahun ini, HijabistaHub turut memperkenalkan MUSE HijabistaHub 2025, terdiri daripada barisan selebriti dan ikon industri hiburan yang akan mewakili jenama ini antaranya Zizan Razak, Emma Maembong, KRU, Maya Karin, Nasha Aziz dan The Sara Sisters.





Financial Faiz

@financialfaiz ✅

Alternatif Duit Raya, Kenapa Emas Lebih Bernilai?



Emas telah lama menjadi simbol kekayaan dan pelaburan yang bernilai. Pendidik Kewangan, Faiz Azmi, berkongsi kelebihan memiliki emas, terutama sebagai pelaburan jangka panjang dan hadiah bernilai.

Kenapa Ramai Orang Simpan Emas?

Menurut Faiz Azmi, emas semakin popular sebagai hadiah, terutama semasa Hari Raya.

"Musim raya sekarang ini, ada yang bagi emas sebagai duit raya. Bijak juga cara ini sebab kalau bagi kepada anak, dia boleh simpan dan tak berbelanja emas ini untuk benda yang bukan-bukan. Kalau simpan lama-lama pun nilainya akan semakin naik," katanya.

Tidak seperti saham atau unit amanah yang memberi dividen, keuntungan emas datang daripada kenaikan harga.

"Emas ini anda kena faham ya, dia punya untung itu daripada kenaikan harga emas per gram, bukan macam instrumen pelaburan lain yang bagi dividen atau bonus. Emas lain, kalau anda simpan 10 gram selepas 10 tahun pun masih 10 gram juga, tapi nilai dia yang meningkat," tambahnya. Pelaburan Emas Lebih Mudah dengan Bursa Gold Dinar

Kini, pelaburan emas lebih mudah menerusi Bursa Gold Dinar, platform patuh syariah yang membolehkan pelaburan serendah RM10. Ia juga membenarkan penukaran emas digital kepada fizikal dengan syarat minimum 4.25 gram untuk ditukar kepada 1 dinar emas fizikal.


Hadiahkan Emas Sebagai Duit Raya

Pemberian dinar emas semakin mendapat perhatian kerana lebih bernilai dan boleh menjadi aset jangka panjang. Ini membuktikan bahawa emas bukan sekadar perhiasan, tetapi juga pelaburan yang memberi manfaat kepada generasi akan datang.



Friendship Knows No Limits

A heartwarming moment in Malaysia recently captured public attention when a student carried her disabled classmate up a flight of stairs, refusing to leave her behind. In a TikTok video, she is seen giving her friend, who has a leg disability, a piggyback ride to ensure she doesn't miss out on school activities. This simple yet powerful act of kindness has touched many, showcasing the strength of true friendship.



Tiktoker Cleaning 30 Suraus

A Malaysian TikToker has taken on a meaningful mission this Ramadan by planning to clean 30 suraus throughout the holy month.

Inspired by his desire to give back to the community, he hopes his efforts will benefit everyone and encourage others to contribute in their own way.

His initiative has gained praise online, with many admiring his dedication to keeping places of worship clean.



'Bantal Busuk' Returns As A Gift

A Malaysian man was joyfully reunited with his cherished 29-year-old "bantal busuk" (comfort pillow) after believing it was lost during a house move in 2020.

Unbeknownst to him, his friends had secretly kept the pillow and, four years later, presented it to him encased in a clear box as a unique birthday gift.

This thoughtful gesture not only surprised him but also highlighted the enduring bonds of friendship and the sentimental value attached to cherished personal belongings.

Read more at www.rojakdaily.com.